

19 AUG 2004

Mahathir-Sedih

DR MAHATHIR SEDIH KERUNTUHAN MORAL MASYARAKAT

SEREMBAN, 19 Ogos (Bernama) -- Bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad berkata beliau amat sedih dengan keruntuhan moral, akhlak serta peribadi masyarakat hari ini khususnya di kalangan generasi muda.

Beliau berkata, paling menyedihkan ialah kejadian jenayah dahsyat seperti bunuh, rompak dan samun yang disiarkan media massa turut membabitkan pelajar.

"Baru-baru ini sekumpulan pelajar di sebuah sekolah menengah agama sanggup memukul hingga mati seorang rakan mereka tanpa ada rasa belas kesian, tanpa ada rasa bersalah.

"Kita amat terkejut dengan kejadian itu. Membunuh adalah jenayah yang amat dahsyat dan perkara itu berlaku di kalangan masyarakat kita, termasuk orang muda dan pelajar," katanya menyampaikan ceramah serta merasmikan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seremban Dua, dekat sini hari ini.

Beliau berkata, kanak-kanak berusia setahun pun tidak selamat kerana mereka turut menjadi mangsa rogol, bunuh dan culik oleh golongan yang tidak dapat mengawal nafsu.

Dr Mahathir berkata, jenayah dan keruntuhan moral itu berlaku kerana golongan itu tidak dapat mengawal emosi serta tidak mempunyai nilai yang mulia.

"Selain itu, golongan itu juga tidak berdisiplin dan membenarkan nafsu menguasai mereka," katanya.

Dalam ceramahnya kira-kira sejam itu, beliau turut menasihatkan generasi muda khususnya pelajar sekolah supaya tidak meniru budaya hidup Barat yang tidak bersesuaian dengan budaya hidup masyarakat Timur.

"Kita orang Timur, bukan orang Barat. Orang Timur ada budaya hidup tersendiri. Orang Timur masih mempunyai nilai yang tinggi dan akhlak yang mulia. Janganlah kita meniru kelakuan tidak senonoh masyarakat Barat," katanya.

Dr Mahathir turut melahirkan rasa sedih dengan gejala penagihan dadah yang banyak melibatkan orang Melayu.

Pada sidang media selepas itu, beliau meminta golongan agama memainkan peranan lebih besar mendidik dan membentuk akhlak mulia mengukit ajaran Islam kepada semua lapisan masyarakat.

"Kalau kita tengok sejarah, kedatangan agama Islam dapat mewujudkan sebuah tamadun yang berjaya kepada golongan Arab Jahiliah. Kalau belajar agama, tidak dapat tidak kita akan menjadi orang yang baik, yang berjaya. Kita pandai keluar ayat (al-Quran), kita kena laksana ajaran Islam itu sendiri. Dia (golongan agama) tak ajar unsur lain.

"Islam adalah cara hidup dan dalam Islam kita bersaudara, tidak berperang dan tidak bunuh orang.

"Tetapi kalau tak bentuk peribadi Islam, maka dia akan gagal. Sebab itu pelajaran agama menjadi sangat penting kerana Islam ialah cara hidup. Kalau kita ikut cara hidup Islam, takkan kita nak gagal, kita mesti berjaya. Yang menjadi masalah, kita tak ikut," katanya.

Beliau berkata, gejala sosial yang berlaku juga dipengaruhi keadaan persekitaran seperti kemudahan internet yang membolehkan pelajar dan masyarakat melayarinya untuk mendapatkan pelbagai maklumat, bahan dan gambar lucah.

"Kita boleh sekat dan tapis seperti di Jerman dan China di mana bahan pornografi ditapis. Sekarang ini remaja dan golongan muda yang melihat bahan pornografi ini apabila nampak sahaja kanak-kanak dan wanita, mereka

'naik syeikh' kata orang Kedah," katanya.

"Orang yang edar bahan begini patut dihukum dengan hukuman paling berat kerana kita punya moral sekarang dah runtuh teruk," katanya.

-- BERNAMA

APG MAI